

Ucapan : ADHO
SDI
120/80

Uchapan Y.B.Menteri Pelajaran, Enche
Hussein Onn di-upachara Menyampaikan
Diploma Siswazah2 Maktab Teknik, Jln.
Gurney, Kuala Lumpur pada 18hb. Disember,
1971 pukul 3.00 petang.

=====

Saya menguchapkan terima kaseh kepada Ahli2
Lembaga Pengurus, Pensharah2 dan Siswazah2 serta
pelajar2 di-Maktab ini, kerana telah mengundang
isteri saya dan saya hadzir di-upachara yang ber-
sejarah pada petang ini.

2. Dalam upachara yang meriah ini, saya terlebih
dahulu ingin menyatakan penghargaan Kementerian Pelajaran
ke pada bekas Pengerusi Lembaga Pengurus Maktab Teknik,
ia-itu Tuan Yang Terutama Tan Sri Dato Abdul Aziz,
yang sekarang ini menjadi Gabnor Negeri Melaka.
Kapada Tuan Yang Terutama ^{itu} di-uchapkan ribuan terima
kaseh kerana khidmat beliau dari tahun 1957 hinggalah
Pengerusi baru di-lantek semasa beliau menjadi Gabnor
Negeri Melaka. Di-atas pimpinan Tuan Yang Terutama

itu, Maktab ini telah maju dari satahun ka-satahun.

Kepada Pengerusi Lembaga Pengurus yang baru, iaitu

Tan Sri Syed Zahiruddin, saya juga menguchapkan

terima kaseh kerana telah sanggup menerima per-

lantekan sebagai Pengerusi Maktab ini.

3. Saperti yang di-ketahui ~~umum bahawa~~ negara kita

yang sedang membangun ini, sangatlah kekurangan ahli2

teknik dan juga jurutera2. ^{Oleh yang demikian} ~~dan oleh kerana itu~~ saya

suka menyatakan penghargaan Kerajaan Malaysia ~~pada~~ ^{kepada}

pemerintah Indonesia kerana telah mengizinkan Pensharah2,

Warga Negara Indonesia berkhidmat di-Maktab Teknik pada

masa ini, dan saya berharap bantuan saperti itu akan

terus berkekalan dan di-perluaskan lagi. Ini dapat

kita laksanakan oleh kerana ^{ada-nya} tali persahabatan yang

erat antara kedua2 negara ^{kita} ~~tetangga~~ yang ^{berjeran dan yang} merdeka lagi

berdaulat.

4. Sa-sabuah Maktab memang berusaha hendak

mengeluarkan gulongan2 intelaktual, yang dapat memberi

khidmat masing2, kepada pembangunan dan perkembangan

negara, dan demikian-lah hal-nya juga dengan peranan

yang telah, sedang dan akan di-mainkan oleh Maktab Teknikⁱⁿⁱ di-dalam mengeluarkan intelektual di-bidang Teknik dan Kejuruteraan. Saperti yang kita sama2 ketahui bahawa, faktor yang utama yang menyebabkan Rancangan Malaysia yang pertama tiada dapat di-laksanakan dengan seluruh-nya, ialah kerana kekurangan ahli teknik. Oleh kerana inilah, maka Kementerian Pelajaran semenjak tahun lalu dan tahun ini telah mengarahkan Maktab Teknikⁱⁿⁱ di-perbesarkan lagi. Maka dengan ada-nya arahan itu, maka pada tahun ini bilangan penuntut di-Maktab Teknikⁱⁿⁱ telah melebehi 1,000 orang buat pertama kali-nya, ^{mencakala} ~~sedangkan~~ ^{bilangan penuntut} pada tahun2 yang lalu/hanya beberapa ratus orang sahaja. Perubahan ini sangatlah besar arti-nya kepada pengeluaran ahli2 teknik dan ~~juga~~ pembantu2 teknik ^{serta} ~~dan~~ juga jurutera2 yang akan dapat memberi sumbangan mereka kepada kemajuan ~~serta~~ pembangunan Malaysia.

5. Satu perkara lagi suka saya menegaskan di-sini bahawa, dengan ada-nya kesedaran peri penting-nya peranan ahli2 teknik di-dalam sesuatu negara yang sedang membangun, seperti Malaysia ini, maka Kerajaan telah pun menubuhkan Politeknik Ungku Omar di-Ipoh dengan harapan untuk melateh juru2 teknik yang dapat memberikan khidmat mereka kepada negara. Di-samping itu, Maktab Teknik ini juga ia-lah untuk melateh pembantu Teknik ~~atau pun dalam bahasa Inggeris~~ (Teknikal Assistants) dan sekarang seperti yang saya sebutkan tadi, Maktab Teknik ini sedang diperbesarkan lagi dari setahun kesetahun.

6. Ada-lah di-nyatakan di-sini bahawa, bagi mengatasi kekurangan jurutera2 pula, Kerajaan sedang menguruskan pengambilan jurutera2 dari negara2 luar. ^{hal} ~~Dalam hubungan~~ _{Berkenaan dengan perkara} ini, di-harap rakyat jelata jangan-lah salah anggap terhadap tindakan Kerajaan ini, oleh kerana Kerajaan terpaksa berbuat demikian untuk mendapatkan lebih ramai lagi jurutera2 bagi melaksanakan segala rancangan di-bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua. Ini, seperti yang kita semua sedari dan akui, ia-lah sebagai penyelesaian sementara waktu atau pun satu

langkah pendek yang terpaksa kita laksanakan. Sebagai penyelesaian yang sewajar-nya juga, Kerajaan telah memutuskan ia-itu pengeluaran jurutera2 mesti-lah di-tambah. Maka sa- telah di-kaji dengan teliti, ~~bahawa~~ kekurangan tersebut boleh di-chapai dengan menggunakan segala kemudahan yang sedia ada di-Maktab Teknik ^{ini Berhubung dengan perkara} ~~Dalam hubungan ini,~~ suka-lah saya mengumumkan bahawa mulai dari tahun Ilmiah 1972/1973, Maktab Teknik ini akan mengadakan kursus Kejuruteraan dan Seni Bena (Architecture) ^{kepada} ~~di~~-peringkat Universiti.

7. Dengan chara ini ada-lah di-jangkakan bahawa, kekurangan jurutera2 yang sangat2 di-rasai di-negara kita ini, akan dapat di-atasi dalam masa yang sa-singkat2-nya kalau boleh.

8. Tuan2 dan puan2 sakalian, ~~serta para hadzirin,~~ seterusnya suka-lah saya menambah bahawa mulai dari tahun Ilmiah 1972/1973 Maktab Teknik ini akan juga mengadakan kursus2 untok melateh guru2 yang mengambil mata2 pelajaran Ilmu Hisab, Fizik dan Kimia, dan guru2 ini, ~~nanti~~ setelah tamat latehan ^{di-sepuluh buah sekolah} mereka, akan bertugas ~~di-Sekolah2~~ Menengah Khas yang sedang

di-bena oleh Kerajaan. ~~kita di-Malaysia Barat ini sebanyak~~
~~10 buah.~~ Ini juga membuktikan betapa tegas-nya Kerajaan
bertindak untuk membena satu masyarakat progresif, yang akan
menggunakan sains dan teknologi moden dalam penghidupan
kita sehari2, dan juga untuk membena kesejahteraan dan
keamanan serta kemakmuran Malaysia. Dalam perjumpaan
yang bersejarah ini, suka saya menarek kembali perhatian
tuan2 dan puan2 sakalian ~~ia-itu~~ pada tahun 1970 di-Sekolah
Menengah Teknik, Kuantan Pahang. Kementerian Pelajaran telah
mengadakan dua darjah dalam aliran Kebangsaan. Pada tahun
ini, penuntut2 itu buat pertama kali-nya, telah mengambil
peperiksaan Tingkatan V dalam Bahasa Malaysia. Oleh kerana
gulongan ini mengikuti aliran teknik di-dalam Bahasa Malaysia,
maka kemudahan bagi mereka memajukan pelajaran patut-lah
di-adakan. Untuk tujuan ini, Kementerian Pelajaran dengan
kerjasama Maktab Teknik ^{ini,} mulai dari tahun Ilmiah 1972/1973,
akan mengadakan kursus2 diploma di-peringkat tahun satu di-
dalam aliran ^{Bahasa} Kebangsaan. Nyata-lah pada kita bahawa,
perkembangan pelajaran teknik dan jurutera di-dalam

Bahasa Malaysia berkembang dari satu tahun ka-satu tahun, dan sudah sewajar-nya-lah tuan2 dan puan2 sakalian memberikan segala sokongan dan juga galakan supaya, jenerasi muda lebeh berminat di-dalam mata2 pelajaran sains dan teknologi.

9. Kapada siswazah2 yang menerima Ijazah mereka ~~masing2~~ pada petang ini, saya ucapkan shabas dan tahniah di-atas kejayaan mereka. Sementara itu, pada mereka yang sedang menuntut, berusaha-lah bersungguh2 supaya akan menchapai kejayaan yang lebeh gemilang daripada rakan2 mereka yang menerima ijazah pada petang ini. Suka-lah saya mengingatkan bahawa ini bukan satu perkara yang mudah di-chapai, melainkan di-usahakan dengan penoh azam dan bersungguh2.



Bahasa Malaysia berkembang dari satu tahun ke-satu tahun,
 dan sudah seawajarnya-lah tuans dan puans sakkalian memberikan
 segala sokongan dan juga galakan supaya jenerasi muda lebih
 berminat di-dalam mata pelajaran sains dan teknologi.
 9. Kepada alawannya yang menerima ijazah mereka
 ini, pada petang ini, saya ucapkan shabas dan tahniah di-
 atas kejayaan mereka. Sememangnya itu, pada mereka yang sedang
 menuntut, berusahalah berusahalah supaya akan mencapai
 kejayaan yang lebih gemilang daripada rakan-rakan mereka yang
 menerima ijazah pada petang ini. Saya-lah saya mengingatkan
 bahwa ini bukan satu perkara yang mudah di-chap, melainkan
 di-usahkan dengan penuh saam dan ber...



No. Siri	82
No. Penerimaan	82/80